

# **Mahdawiyyah Ibn Tumart dari Perspektif Sejarah: Kajian Analisis Terhadap Dakwaan Kemaksuman dan Ideologi Reformasi**

## ***Mahdism of Ibn Tumart from a Historical Perspective: An Analytical Study of the Claims of 'Ismah and Reformist Ideology***

Izham Hakimi Redzan (Corresponding Author)  
Islamic Law Department, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws.  
International Islamic University Malaysia.  
53100, Kuala Lumpur, Malaysia.  
izhamhakimi@iiu.edu.my

Ahmad Arif Zulkefli  
The Department of Usul al-Din & Comparative Religion & Philosophy.  
Abdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge  
and Human Sciences.  
International Islamic University Malaysia.  
53100, Kuala Lumpur, Malaysia.  
ahmadarif@iiu.edu.my

Mariyam Benhaddou  
Faculty of Arts and Human Sciences.  
Muhammed V University.  
United Nations Avenue-Agdal.  
10090, Rabat, Morocco.  
maryam.benhaddou01@gmail.com

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol54no1.1>

### **Abstrak**

Dakwaan *mahdawiyyah* yang dibawa oleh Ibn Tumart merupakan antara polemik terbesar dalam sejarah pemikiran Islam di wilayah Maghribi dan Andalus. Oleh yang demikian, artikel ini diketengahkan bagi mengenal pasti sama ada konsep *mahdawiyyah* Ibn Tumart merupakan doktrin teologi yang tulen atau sekadar strategi politik bagi reformasi keagamaan dan pembentukan negara. Artikel ini menggunakan metode kualitatif bagi menganalisis secara kritis dakwaan '*ismah* Ibn Tumart dengan membandingkannya antara tradisi Sunni dan Syiah. Penelitian terhadap teks primer Ibn Tumart, serta literatur sejarah klasik dan moden dilakukan secara analitikal dan komparatif. Hasil penelitian mendapati bahawa dakwaan '*ismah* dan *mahdawiyyah* Ibn Tumart lebih berfungsi sebagai instrumen legitimasi politik dan reformasi sosial berbanding satu doktrin teologi yang konsisten. Walaupun Ibn Tumart mengguna pakai

terminologi Syiah seperti imamah dan *mahdawiyyah*, kerangka pemikiran asas beliau tetap berpaksikan tradisi Sunni yang berorientasikan pemurnian akidah. Kesimpulannya, konsep *mahdawiyyah* Ibn Tumart lebih tepat difahami melalui konteks sejarah dan pragmatisme geopolitik berbanding satu pegangan teologi semata-mata.

**Kata Kunci:** Ibnu Tumart; *mahdawiyyah*; imamah; *al-Muwahhidun*; reformasi agama

### Abstract

The *mahdawiyyah* claims of Ibn Tumart represent a major polemic in the Islamic history of the Maghrib and Andalus. This article determines whether his *mahdawiyyah* was a genuine theological doctrine or a political strategy for religious reform and state formation. Employing a qualitative approach, the article critically analyzes Ibn Tumart's claims of *'ismah* by comparing them against Sunni and Shia traditions. Ibn Tumart's primary writings, together with classical and modern historical sources, are examined through analytical and comparative methods. The findings reveal that Ibn Tumart's claims of *'ismah* and *mahdawiyyah* functioned primarily as instruments for political legitimation and social reform rather than a coherent theological system. Although he adopted Shia terminology such as *imamah* and *mahdawiyyah*, his core thought remained anchored within a Sunni framework aimed at purifying Islamic creed. Ultimately, Ibn Tumart's *mahdawiyyah* is more accurately understood as a product of historical and geopolitical pragmatism than a purely theological conviction.

**Keywords:** Ibn Tumart; mahdism; imamate; Almohad Movement; religious reform

### Pendahuluan

Ibn Tumart (w.524h) ialah seorang tokoh reformis dan pengasas gerakan *al-Muwahhidun* yang lahir di Maghribi pada tahun 471 hijrah.<sup>1</sup> Beliau menuntut ilmu melalui pengembaraannya ke pelbagai wilayah Islam, khususnya di Timur Tengah dan terdedah kepada pelbagai aliran pemikiran yang membentuk acuan akidah khususnya melalui pertemuan dengan al-Ghazali (w.505h).<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Abu al-Abbas Ahmad ibn Hasan Ibn al-Qunfudh, *Uns al-Faqir wa Izzu al-Haqir*, ed. Muhammad al-Fasi (Maghribi: al-Markaz al-Jami'i li al-Baith al-Ilmi, 1965).

<sup>2</sup> Muhammad ibn Ahmad Al-Dhahabi, *Siyar A'lam al-Nubala*, ed. Shuaib al-Arn'ut (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1985), 15:540.

Sekembalinya ke tanah air pada 514 Hijrah,<sup>3</sup> beliau tampil sebagai seorang pendakwah yang menekankan konsep tauhid khususnya menerusi penulisannya *al-Aqidah al-Murshidah* dan *A'azz Ma Yutlab*<sup>4</sup> yang secara jelas mengkritik amalan masyarakat yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar di bawah pemerintahan kerajaan *al-Murabitun*.

Perjuangan Ibn Tumart berkembang daripada gerakan dakwah kepada satu gerakan sosial dan politik yang tersusun, dengan matlamat melakukan pembaharuan agama dan masyarakat. Beliau berjaya membina asas gerakan yang kemudiannya berkembang menjadi kerajaan *al-Muwahhidun* di bawah pengikutnya. Sumbangannya memberikan kesan besar terhadap perkembangan pemikiran Islam serta struktur politik dan sosial di Maghribi.

Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan dakwah Ibn Tumart adalah konsep *mahdawiyyah*. Umumnya, konsep *mahdawiyyah* dalam sejarah Islam merupakan antara isu yang kompleks dan sering diperdebatkan dalam kalangan sarjana, khususnya apabila melibatkan dimensi teologi, politik dan reformasi sosial. Dalam konteks sejarah Maghribi dan Andalus, tokoh seperti Ibn Tumart muncul sebagai tokoh penting yang bukan sahaja memimpin gerakan keagamaan, malah turut mencetuskan transformasi politik melalui penubuhan kerajaan *al-Muwahhidun*. Justeru, dakwaan yang mengaitkan beliau dengan konsep al-Mahdi al-Ma'sum memerlukan penelitian yang yang berasaskan sumber sejarah yang pelbagai dan berautoriti.

Konsep *mahdawiyyah* secara umumnya mempunyai pelbagai tafsiran dalam tradisi Islam, khususnya antara aliran Sunni dan Syiah. Dalam tradisi Syiah, 'al-Mahdi' sering dikaitkan dengan doktrin imamah yang bersifat suci serta mempunyai unsur kemaksuman dan pengetahuan ghaib.<sup>5</sup> Sebaliknya, dalam kerangka Sunni, konsep *al-Mahdi* tidak membawa implikasi teologi sedemikian secara mutlak. Perbezaan ini menjadikan

---

<sup>3</sup> Abu al-Hasan Ali bin Muhammad al-Shaybani Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, ed. Abd al-Wahhab al-Najjar (Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah, 1920), 8:296.

<sup>4</sup> Abd al-Majid Al-Najjar, *al-Mahdi ibn Tumart Hayatuhu wa Ara'uhu wa Thawratuhu al-Fikriyyah wa al-Ijtima'iyyah wa Atharuhu fi al-Maghrib* (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1983), 149-152.

<sup>5</sup> Muhammad ibn Yaakub al-Kulayni Abu Ja'far al-A'war, *al-Kafi* (Tehran: t.p., 1865), 1:82.

analisis terhadap *mahdawiyyah* Ibn Tumart sebagai suatu medan penting untuk memahami kedudukan pemikirannya dalam spektrum pemikiran Islam yang lebih luas.

Ibn Tumart sering dikaitkan dengan dakwaan kemaksuman dan imamah, khususnya melalui penggunaan gelaran ‘al-Mahdi’ dalam isu rasmi kerajaan *al-Muwahhidun*. Walau bagaimanapun, persoalan utama yang timbul adalah sejauh mana dakwaan tersebut benar-benar mencerminkan pegangan akidah beliau, atau sekadar merupakan instrumen retorik dan politik dalam usaha reformasi masyarakat. Hal ini menjadi lebih signifikan apabila terdapat perbezaan yang ketara antara isi kandungan karya-karyanya dengan menifestasi ideologi yang berkembang dalam kalangan pengikutnya.

Dalam menelusuri sumber-sumber sejarah, didapati bahawa naratif mengenai *mahdawiyyah* Ibn Tumart tidak bersifat tunggal, bahkan dipengaruhi oleh pelbagai latar sejarah yang berbeza. Sebahagian sejarawan menggambarkan beliau sebagai seorang reformis yang berusaha mengembalikan kemurnian ajaran Islam, manakala sebahagian yang lain melihatnya sebagai tokoh yang mengadaptasi elemen tertentu daripada pemikiran Syiah bagi tujuan pengukuhan autoriti politik yang sah. Kepelbagaian perspektif ini menuntut satu analisis yang lebih sistematik dan kritikal terhadap sumber-sumber yang tersedia.

Justeru, artikel ini berusaha untuk menganalisis secara kritis dakwaan yang mengaitkan Ibn Tumart dengan konsep al-Mahdi al-Ma’sum melalui pendekatan analisis teks sejarah dan merumuskan sama ada konsep *mahdawiyyah* yang dikaitkan dengan Ibn Tumart merupakan suatu pegangan teologi yang hakiki, atau sekadar strategi reformasi dalam konteks pembinaan sebuah gerakan dan negara.

### **Metodologi Kajian**

Artikel ini mengadaptasi reka bentuk penyelidikan kualitatif yang berorientasikan analisis kandungan dengan penekanan terhadap kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik melalui penapisan sumber primer, khususnya karya-karya yang dinisbahkan kepada Ibn Tumart di samping sumber sekunder yang terdiri daripada kitab-kitab sejarah turath dan moden, sama ada bersifat khusus mahupun umum yang

membincangkan konteks kejatuhan kerajaan *al-Murabitun* serta kebangkitan kerajaan *al-Muwahhidun*. Proses pemilihan sumber dilakukan berdasarkan kriteria otoriti, kerelevanan dan kebolehpercayaan akademik bagi memastikan keabsahan dan ketekalan data.

Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara analitikal bagi menghuraikan secara terperinci naratif sejarah dan pemikiran tokoh, serta pendekatan komparatif bagi membandingkan pelbagai riwayat dan interpretasi yang terdapat dalam sumber-sumber yang berbeza. Analisis ini turut mengambil kira dimensi kontekstual, termasuk latar sosio-politik dan keagamaan yang mempengaruhi pembentukan wacana mahdawiyyah dalam tempoh tersebut. Akhir sekali, gabungan dapatan dilakukan bagi menilai secara kritis dakwaan yang mengaitkan Ibn Tumart dengan pengakuan sebagai al-Mahdi al-Ma‘sum, seterusnya merumuskan kedudukan dakwaan tersebut berdasarkan analisis tekstual dan perbandingan historiografi yang telah dijalankan.

### **Konsep Mahdawiyyah Menurut Ibn Tumart**

Perbincangan mengenai konsep *mahdawiyyah* dalam tradisi Islam telah lama menjadi tumpuan sarjana klasik dan moden, khususnya dalam konteks hubungan antara otoriti keagamaan dan legitimasi politik. Dalam buku-buku sejarah, perbincangan mengenai *al-Mahdi* sering dikaitkan dengan naratif akhir zaman, manakala dalam sudut yang lain ia juga turut dimanfaatkan sebagai instrumen ideologi dalam pembentukan gerakan politik dan keagamaan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai karya sejarah yang membincangkan gerakan-gerakan reformasi dalam dunia Islam.

Dalam konteks Maghribi dan Andalus, kajian mengenai Ibn Tumart dan gerakan *al-Muwahhidun* banyak dirujuk dalam karya-karya sejarawan seperti Ibn Idhari (w.695h)<sup>6</sup> dan al-Murakushi (w.647h)<sup>7</sup> yang memberikan gambaran terperinci mengenai latar sosio-politik serta perkembangan awal gerakan tersebut. Sumber-sumber ini sering menonjolkan peranan Ibn Tumart sebagai

---

<sup>6</sup> Abu al-Abbas Ahmad Ibn Muḥammad Ibn Idhari al-Murakushi, *al-Bayan al-Mughrib fi Ikhtisar Akhbar Muluk al-Andalus wa al-Maghrib* (Titwan: Tab‘ah Ma‘had Mawlay al-Hasan, 1960).

<sup>7</sup> Abd al-Wahid Al-Murakushi, *al-Mu‘jib fi Talkhis Akhbar al-Maghrib* (Sale: Matba‘ah al-Thaqafah, 1938).

seorang pemimpin yang berjaya menggabungkan unsur dakwah keagamaan untuk mendapatkan sokongan politik.<sup>8</sup>

Selain itu, karya-karya seperti *Nazm al-Juman* oleh Ibn al-Qattan (wafat pertengahan kurun ke-7 hijrah)<sup>9</sup> serta koleksi risalah-risalah *al-Muwahhidun* yang dihimpunkan oleh sarjana moden seperti Évariste Lévi-Provençal turut menjadi rujukan penting dalam memahami pemikiran dan strategi dakwah Ibn Tumart. Melalui analisis terhadap teks-teks ini dapat diperhatikan bahawa penggunaan istilah *al-Mahdi* dan imamah dalam pemikiran *al-Muwahhidun* mempunyai dimensi simbolik yang signifikan, khususnya dalam konteks pembinaan identiti umum kerajaan *al-Muwahhidun* dan kelangsungan kepimpinan.

Dalam kalangan sarjana moden, kajian oleh Abdullah Inan<sup>10</sup> dan Évariste Lévi-Provençal<sup>11</sup> telah memberikan sumbangan besar dalam menganalisis sejarah *al-Murabitun* dan *al-Muwahhidun* dari sudut pandang yang sistematik. Golongan tersebut menekankan bahawa kebangkitan *al-Muwahhidun* tidak dapat difahami semata-mata sebagai fenomena keagamaan, tetapi perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas melibatkan faktor politik, ekonomi dan sosial. Pendekatan ini membuka ruang kepada tafsiran baharu terhadap konsep *mahdawiyyah* sebagai alat reformasi, bukan semata-mata doktrin teologi.

Bagi Abdullah Inan, imamah dari sudut pandang Ibn Tumart merupakan institusi agama dan politik yang menjadi asas kepada kepimpinan umat. Beliau menggabungkan konsep imam maksum dan al-Mahdi al-Muntazar bagi mewujudkan keabsahan idea *al-Mahdi* terhadap pemerintahannya. Walaupun terdapat pengaruh tertentu daripada doktrin imamah Syiah, namun teori imamah yang oleh Ibn Tumart mempunyai ciri tersendiri yang

---

<sup>8</sup> Harry T. Norris, "Ibn Tumart and the Almoravids: 'The Evil Deeds of the Mujassimun from Kakudam', Selected Passages from Ibn Tumart's *A'azz Ma Yutlab*," *Journal of Qur'anic Studies* 13.2 (2011), 155-164.

<sup>9</sup> Abu Ali al-Hasan Ibn al-Qattan, *Nazm al-Juman*, ed. Mahmud Ali Makki (Titwan: t.p., t.t).

<sup>10</sup> Abdullah Inan, *Asr al-Murabitin fi al-Maghrib wa al-Andalus* (Kaherah: Maktabah al-Kahnji, 1990).

<sup>11</sup> Évariste Lévi-Provençal, *Nashr Majmu'ah Rasa'il Muwahhadiyah min Insha' Kitab al-Dawlah al-Mu'miniyyah* (Maghribi: Matbu'at Ma'had al-'Ulum al-'Ulya al-Maghribiyah, 1941).

disesuaikan dengan matlamat dakwah dan gerakan politik *al-Muwahhidun*.<sup>12</sup>

Menurut Lévi-Provençal, risalah-risalah *Muwahhidiyyah* memperlihatkan dengan jelas penggunaan istilah ‘al-Imam al-Ma‘lum’ dan ‘al-Mahdi al-Ma‘sum’ dalam bahasa persuratan rasmi kerajaan *al-Muwahhidun*. Melalui himpunan sebanyak 73 surat rasmi yang dikirimkan kepada Abdul Mukmin al-Kumi (w.558h) dapat diperhatikan bahawa kedua-dua gelaran tersebut digunakan secara konsisten selaras dengan ideologi dan pembawaan gerakan *al-Muwahhidun*. Surat-surat tersebut lazimnya dimulakan dengan pujian kepada Allah SWT, diikuti selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, para sahabat Baginda dan *al-Mahdi*. Ini sekali gus mencerminkan kedudukan istimewa yang diberikan kepada Ibn Tumart dalam wacana rasmi dan politik *al-Muwahhidun*.<sup>13</sup>

Kajian Ahmad Arif Zulkefli mendapati bahawa dakwaan *mahdawiiyyah* Ibn Tumart yang berasaskan keterpeliharaan daripada kesalahan dan dosa (‘ismah) tidak dapat dibuktikan secara kukuh. Hal ini kerana banyak catatan sejarah bersifat polemik, berbeza tafsiran dan sering dipengaruhi kepentingan politik serta kritikan ulama terhadap gerakan *al-Muwahhidun*. Analisis ini juga menunjukkan bahawa Ibn Tumart lebih tepat difahami sebagai tokoh reformis yang menekankan tauhid, pembaharuan akidah dan pembinaan negara Islam berbanding individu yang mendakwa dirinya sebagai *al-Mahdi* secara literal. Unsur ‘kemaksuman’ yang dinisbahkan kepadanya pula boleh ditafsirkan sebagai ‘ismah hifziyyah<sup>14</sup> atau simbol legitimasi kepimpinan, bukannya kemaksuman mutlak seperti dalam doktrin kenabian.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Inan, Abdullah, *Asr al-Murabitin*, 205-206.

<sup>13</sup> Évariste Lévi-Provençal, *Nashr Majmu‘ah Rasa‘il Muwahhadiyah*, 7.

<sup>14</sup> Ismah Hifziyyah ialah perlindungan Allah SWT yang khusus bagi para wali Allah SWT daripada terjatuh ke dalam dosa besar dan perbuatan keji, naunganNya ke atas mereka. Namun, ia berbeza dengan kemaksuman para nabi. Wali tidak maksum daripada kesalahan, lupa atau dosa kecil. Pemeliharaan wali juga bergantung kepada sejauh mana mengikuti al-Quran dan Sunnah, sedangkan para nabi adalah maksum secara mutlak. Lihat Yahya ibn Sharaf Al-Nawawi, *Bustan al-Arifin* (Beirut: Dar al-Basha‘ir al-Islamiyah, 2006), 346-348.

<sup>15</sup> Ahmad Arif Zulkefli, “Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma‘sum” (Seminar 6<sup>th</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC) 2025, Melaka, 27-28 Mei 2025).

Manakala kajian Saad Zaghlul Abdul Hamid pula menghuraikan peranan Ibn Tumart dalam menubuhkan kerajaan *al-Muwahhidun* yang berjaya menyatukan Maghribi dan Andalusia serta mempertahankan Islam. Kajian ini juga mengetengahkan pemikiran reformasi Ibn Tumart melalui konsep tauhid, amar makruf nahi mungkar dan idea *mahdawiyah*. Kesimpulannya, perjuangan beliau dianggap sebagai gerakan pembaharuan agama dan politik yang memberikan kesan besar dalam sejarah Maghribi.<sup>16</sup>

Kajian Abdul Majid al-Najjar pula membincangkan riwayat hidup Ibn Tumart termasuklah latar belakang pendidikannya dan pengembaraannya dalam menuntut ilmu serta pengaruh pemikiran dari Timur. Kajian ini juga menfokuskan gagasan akidah dan pembaharuan Ibn Tumart, khususnya seruan kepada tauhid serta usaha menentang penyelewengan agama dalam masyarakat Maghribi ketika itu. Di samping itu, beliau turut menganalisis gerakan intelektual dan sosialnya serta seruan reformasi agama dan politik yang disertai dengan organisasi dakwah yang tersusun. Peralihannya daripada seorang pendakwah kepada pemimpin gerakan politik yang akhirnya membawa kepada penubuhan kerajaan *al-Muwahhidun*. Akhirnya, buku ini menjelaskan pengaruh besar beliau di Maghribi, sama ada dari sudut pemikiran agama mahupun struktur politik dan sosial.<sup>17</sup>

Di samping itu, kajian yang memfokuskan kepada aspek teologi seperti al-I'tisam<sup>18</sup> karangan al-Shatibi (w.790h) turut membincangkan isu kemaksuman dan imamah dari sudut kritikan terhadap bidaah dan penyimpangan dalam agama. Pandangan ini mencerminkan sikap berhati-hati dalam kalangan ulama Sunni terhadap sebarang dakwaan yang memberikan sifat maksum kepada seseorang selain para nabi. Justeru, kritikan terhadap Ibn Tumart dalam literatur ini perlu difahami dalam kerangka polemik teologi yang lebih luas.

---

<sup>16</sup> Saad Zaghlul Abd al-Hamid, *Muhammad ibn Tumart Harakat al-Tajdid fi al-Andalus wa al-Maghrib* (Beirut: Jami'ah Bayrut al-Arabiyah, t.t).

<sup>17</sup> Abd al-Majid Al-Najjar, *al-Mahdi ibn Tumart Hayatuhu wa Ara'uhu wa Thawratuhu al-Fikriyah wa al-Ijtima'iyyah wa Atharuhu fi al-Maghrib* (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1983).

<sup>18</sup> Abu Ishaq Ibrahim al-Lakhami al-Shatibi, *al-I'tisam*, ed. Shawqi Dayf (Egypt: al-Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra, t.t).

Selain itu, terdapat juga kajian yang meneliti persamaan dan perbezaan antara *mahdawiyyah* Ibn Tumart dengan *mahdawiyyah* dalam tradisi Syiah, khususnya aliran Ismailiyyah<sup>19</sup>. Kajian-kajian ini umumnya mendapati bahawa walaupun terdapat persamaan dari segi terminologi, perbezaan dari sudut prinsip dan pelaksanaan adalah ketara. *Mahdawiyyah* dalam tradisi Syiah sering dikaitkan dengan doktrin imamah yang bersifat warisan dan metafizik, manakala dalam konteks Ibn Tumart, ia lebih cenderung kepada pendekatan reformis yang bertujuan mengislahkan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat jurang dalam literatur sedia ada yang masih belum memberikan penilaian menyeluruh terhadap dakwaan kemaksuman dan *mahdawiyyah* Ibn Tumart berdasarkan analisis tekstual yang sistematik. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung untuk menilai beliau sama ada dari sudut sejarah politik atau teologi secara berasingan, tanpa mengintegrasikan kedua-dua dimensi tersebut dalam satu kerangka analisis yang komprehensif.

Sehubungan itu, artikel ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan pendekatan analisis teks sejarah dan perbandingan historiografi yang dikemukakan oleh sumber-sumber sejarah awal dengan analisis para pengkaji kontemporari berhubung isu *mahdawiyyah* Ibn Tumart. Di samping itu, artikel ini turut meneliti asas terminologi dan kerangka teologi yang mendasari konsep tersebut melalui perbandingan antara doktrin Syiah, khususnya berkaitan konsep *al-Mahdi*, imamah dan kemaksuman dalam memahami kedudukan sebenar konsep *mahdawiyyah* dalam gerakan Ibn Tumart.

---

<sup>19</sup> Syiah Isma'iliyyah ialah salah satu cabang utama dalam mazhab Syiah yang berpisah daripada Syiah Dua Belas (Ithna 'Asyariyyah) pada abad ke-2 hijrah berkenaan isu kepimpinan (*imamah*) Ismail bin Ja'far al-Sadiq. Golongan tersebut dikenali kerana memberikan penekanan kepada tafsiran batin (*ta'wil*) terhadap al-Quran dan ibadah, serta mempercayai kesinambungan kepimpinan 'Imam' yang sentiasa wujud. Golongan tersebut juga merupakan pengasas kepada kerajaan Fatimiyyah di Mesir. Al-Baghdadi, *al-Farq Bayna al-Firqa wa Bayan al-Firqa al-Najiyah* (Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, 1977), 179.

### **Adakah Ibn Tumart Percaya Dirinya ialah *al-Mahdi*?**

Menurut al-Najjar, tidak terdapat bukti yang jelas dalam karya penulisan mahupun risalah-risalah Ibn Tumart yang menunjukkan bahawa secara langsung mendakwa dirinya sebagai *al-Mahdi*. Apabila Ibn Tumart membincangkan konsep *al-Mahdi*, beliau sering mengemukakannya sebagai suatu gagasan yang terpisah daripada dirinya, meskipun hakikatnya gagasan tersebut tidak dapat dipisahkan daripada konteks zaman dan keadaan yang sedang dihadapinya.

Pendekatan yang disebutkan seolah-olah menggambarkan usaha beliau untuk mengelakkan pengisytiharan secara terang-terangan bahawa dirinya ialah *al-Mahdi*. Malah, dalam khutbah yang menjadi faktor utama pengikut-pengikutnya membaiah beliau sebagai *al-Mahdi*, Ibn Tumart juga tidak mengaitkan secara jelas sifat itu terhadap dirinya. Sebaliknya, para pengikutnya memahami mesej tersebut secara tersirat dan melalui kiasan bahawa individu yang dimaksudkan sebagai *al-Mahdi* ialah Ibn Tumart sendiri. Setelah mendengar khutbah tersebut, pengikutnya bangun mendekati Ibn Tumart lalu berkata: “Sesungguhnya sifat ini tidak terdapat melainkan pada dirimu. Engkaulah *al-Mahdi*.” Maka, pengikut Ibn Tumart pun berbaiah dan memberikan sumpah setia kepadanya.<sup>20</sup>

Menurut Khalid Zahri pula, Ibn Tumart tidak memerintahkan para pengikut supaya mengakui dirinya secara khusus sebagai *al-Mahdi al-Ma‘sum*. Sebaliknya, beliau hanya menuntut mereka beriman kepada konsep *al-Mahdi al-Ma‘sum* secara mutlak sebagaimana yang dinyatakan dalam seruannya:

Perangilah golongan yang terkeluar daripada agama ini ... dan berimanlah dengan *al-Mahdi al-Ma‘sum*.<sup>21</sup>

Beliau tidak menyebut secara jelas dan khusus bahawa “Muhammad ibn Tumart ialah *al-Mahdi al-Ma‘sum*”. Perbezaan ini menunjukkan bahawa Ibn Tumart lebih cenderung menjadikan akidah *mahdawiyyah* sebagai suatu gagasan politik dan ideologi yang berfungsi menyusun gerakan, mengukuhkan kesatuan

---

<sup>20</sup> Al-Najjar, Abd al-Majid, *al-Mahdi Ibn Tumart*, 75-76.

<sup>21</sup> Al-Murrakushi, Abd al-Wahid, *al-Mu‘jib*, 115.

tentera, serta mengaktifkan fungsi kepemimpinan yang dikaitkan dengan *al-Mahdi*. Dengan kata lain, beliau menumpukan kepada peranan dan fungsi *al-Mahdi* sebagai simbol perjuangan, keabsahan dasar politik dan revolusinya, bukan kepada pengisytiharan dirinya secara terang-terangan sebagai *al-Mahdi* yang dimaksudkan.<sup>22</sup>

### **Hubungan Ibn Tumart dan Imam al-Ghazali**

Orientalis seperti Ignác Goldziher, berpendapat bahawa Ibn Tumart tidak sepenuhnya dipengaruhi oleh pemikiran yang dipelajarinya daripada al-Ghazali sepanjang pengembaraannya di Timur. Perkara ini dapat dilihat daripada tiga aspek:

- i. Ibn Tumart menolak keabsahan iman secara taklid dalam perbahasan akidah, sedangkan al-Ghazali menerima iman golongan awam yang bertaklid sebagaimana yang dihuraikan dalam *Ihya' Ulumuddin*.
- ii. Ibn Tumart turut menyimpang daripada pendirian al-Ghazali dan ulama Asha'irah yang berpendapat bahawa isu imamah bukanlah sebahagian daripada perbahasan usuluddin. Sebaliknya, beliau meletakkan imamah sebagai suatu prinsip penting dalam agama serta menegaskan bahawa imam mestilah bersifat maksum dan terpelihara daripada dosa besar mahupun dosa kecil.
- iii. Doktrin al-Imam al-Ma'sum yang diketengahkan oleh Ibn Tumart juga dilihat bertentangan dengan kritikan al-Ghazali terhadap doktrin kemaksuman Imam, khususnya sebagaimana yang dinyatakan dalam karya beliau *al-Munqidh min al-Dalal*.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Ahmad Arif Zulkefli, "Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma'sum" (Seminar 6<sup>th</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC) 2025, Melaka, 27-28 Mei 2025).

<sup>23</sup> Al-Najjar, *al-Mahdi ibn Tumart*, 244; Ibn al-Qattan, *Nazm al-Juman*, 204.

Adapun apa yang disebutkan oleh al-Ghazali dalam kitabnya *Sirr al-‘Alamayn wa Kashf Ma fi al-Darayn*:

فَأَوَّلُ مَنْ اسْتَحْسَنَ هَذَا الْكِتَابَ... رَجُلٌ مِنْ أَرْضِ الْمَغْرِبِ  
يُقَالُ لَهُ مُحَمَّدُ بْنُ تُوْمَرْتٍ مِنْ أَهْلِ السُّلَمِيَّةِ، وَتَوَسَّطَتْ مِنْهُ  
الْمُلْكُ

Terjemahan: Maka individu pertama yang menunjukkan penghargaan terhadap kitab ini ialah seorang lelaki dari wilayah Maghribi yang bernama Muhammad ibn Tumart, daripada keturunan al-Sulamiyyah. Aku mendapati pada dirinya petunjuk dan ciri yang menunjukkan bahawa dia akan memperoleh kekuasaan dan pemerintahan.<sup>24</sup>

Tidak syak lagi bahawa al-Ghazali, apabila beliau menyifatkan Ibn Tumart sebagai pemerintah. Apa yang dimaksudkan oleh al-Ghazali ialah pemerintah yang adil yang bertujuan menegakkan khilafah menurut manhaj kenabian. Pemerintah yang mengikuti manhaj ini mempunyai syarat tertentu yang dapat diringkaskan sebagai kemampuan untuk melaksanakan tugas-tugas yang akan dipikul oleh *al-Mahdi* pada akhir zaman.

Ibn Tumart telah menggambarkan tokoh yang menjadi penjelmaan konsep *mahdawiyyah* sama ada dari sudut makna bahasa mahupun fungsinya. Hal ini dapat difahami melalui tujuan revolusi Ibn Tumart yang berteraskan tauhid. Dalam erti kata lain, tujuan revolusi Ibn Tumart adalah perkara yang sama daripada perutusan *al-Mahdi* iaitu dengan mengembalikan tauhid kepada kesuciannya yang asli dan menghapuskan segala bentuk kesyirikan.<sup>25</sup>

---

<sup>24</sup> Al-Ghazali, *Sirr al-Alamayn wa Kashf Ma fi al-Darayn* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1988), 3. Perlu diambil kira, bahawa sebahagian pengkaji mempertikaikan kesahihan penisahan kitab ini kepada al-Ghazali.

<sup>25</sup> Ahmad Arif Zulkefli, "Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma'sum" (Seminar 6<sup>th</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC) 2025, Melaka, 27-28 Mei 2025).

### Asas Dakwaan *Mahdawiyyah* oleh Ibn Tumart

Apa yang dilihat daripada kajian lepas, revolusi Ibn Tumart dalam menjatuhkan *al-Murabitun* adalah berdasarkan dua perkara asas:

- i. Dakwaan Ibn Tumart bersifat maksum. Menurut ulama Sunni, sifat kemaksuman tidak dimiliki oleh sesiapa pun kecuali para nabi dan rasul. Kemaksuman para nabi dan rasul dapat dibuktikan melalui dalil akal. Ini kerana sekiranya para nabi dan rasul berkemungkinan melakukan dosa, maka para pengikut juga akan dituntut untuk mengikuti perbuatan tersebut. Keadaan ini bercanggah dengan hikmah Allah SWT, kerana mustahil bagi-Nya memerintahkan manusia melakukan sesuatu yang haram atau membawa kepada kemaksiatan. Oleh itu, para nabi dan rasul mestilah terpelihara daripada dosa dalam melaksanakan dan menyampaikan risalah yang diamanahkan kepada mereka.<sup>26</sup> Oleh yang demikian, manusia selain daripada para nabi dan rasul tidak terlepas daripada maksiat.

Di sini timbul suatu persoalan yang penting, iaitu apabila Ibn Tumart mendakwa dirinya memiliki sifat kemaksuman, adakah kemaksuman yang dimaksudkan itu merujuk kepada *al-'ismah al-dhatiyyah* yang secara khusus dianugerahkan kepada para nabi dan rasul, ataupun sekadar *'ismah al-hifz* iaitu pemeliharaan Allah SWT terhadap para wali daripada kesalahan dan penyimpangan? Apa yang dapat diperhatikan kemaksuman yang dimaksudkan oleh Ibn Tumart dalam adalah *'ismah al-hifz* sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Hujwiri (w.465h):

إِنَّ الْأَوْلِيَاءَ لَيْسُوا مَعْصُومِينَ؛ لِأَنَّ الْعِصْمَةَ لَيْسَتْ شَرْطًا لَهُمْ،  
وَلَكِنَّهُمْ مَحْفُوظُونَ مِنَ الْأَفَةِ

Terjemahan: Sesungguhnya para wali bukanlah orang yang maksum, kerana kemaksuman bukan merupakan syarat bagi mereka. Akan tetapi, mereka dipelihara

<sup>26</sup> Muhammad bin Yusuf al-Sanusi, *Sharh al-Aqidah al-Kubra*, ed. Anas al-Sharfawi (Dimashq: Dar al-Taqwa, 2019), 572.

daripada segala bentuk bencana atau kerosakan.<sup>27</sup>

Menurut Khalid Zahri pula, sekiranya kemaksuman yang didakwa oleh Ibn Tumart merujuk kepada konsep *al-'ismah al-dhatiyyah*, maka dakwaan tersebut sudah tentu akan menyebabkan akidahnya yang dikenali sebagai *al-Murshidah* ditolak oleh para ulama. Namun demikian, hakikatnya *al-Murshidah* telah mendapat penerimaan yang meluas dalam kalangan ulama dalam dunia Islam, serta dianggap sebagai antara matan akidah yang penting. Perkara ini menunjukkan bahawa para ulama tidak memahami dakwaan kemaksuman Ibn Tumart dalam pengertian yang menyamai kemaksuman para nabi dan rasul.<sup>28</sup> Dalam hal ini, al-Sanusi (w. 895h) menyatakan pada permulaan syarah terhadap *al-Murshidah*:

اجْتَمَعَتِ الْأَئِمَّةُ عَلَى صِحَّةِ هَذِهِ الْعَقِيدَةِ لَا غَيْرَ، وَأَنَّهَا  
مُرْشِدَةٌ رَشِيدَةٌ، وَمَنْ يَتْرُكِ الْمَهْدِيَّ أَحْسَنَ مِنْهَا وَسَبِيلَهُ

Terjemahan: Ulama telah mencapai kesepakatan terhadap kesahihan akidah ini sebagai pegangan yang benar. Akidah tersebut disifatkan sebagai akidah yang membimbing dan menunjukkan jalan yang lurus. Justeru, *al-Mahdi* tidak meninggalkan suatu pendekatan yang lebih baik daripada akidah tersebut sebagai panduan bagi umat.<sup>29</sup>

- ii. Dakwaan bahawa Ibn Tumart adalah 'Imam' wajib ditaati. Doktrin ini telah diambil oleh daripada Syiah yang merupakan perkara disifatkan oleh ulama Maghribi sebagai bid'ah yang telah diwujudkan oleh Ibn Tumart sepetimana yang disebutkan al-Shatibi

<sup>27</sup> Ali bin Uthman al-Hujwiri, *Kashf al-Mahjub li Arbab al-Qulub*, ed. Is'ad 'Abd al-Hadi Qandil (Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, 1980), 2:459-460.

<sup>28</sup> Khalid Zahri, *Min Ilm al-Kalam ila Fiqh al-Kalam* (Kuwait: Dar al-Diya, 2018), 388-389. Lihat juga Ahmad Arif Zulkefli, *Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma'sum*.

<sup>29</sup> Muhammad bin Yusuf al-Sanusi, *Sharh Aqidah al-Mahdi Ibn Tumart* (Rabat: al-Khizannah al-Hasaniyyah, no. 10880), 6.

(w.790h). Bagi golongan Syiah kewujudan ‘Imam’ bukan daripada masalah fikah, bahkan ia merupakan salah daripada rukun iman yang tidak sempurna iman denganya sepertimana yang disebutkan oleh al-Shahrastani:

بِأَنَّ الْإِمَامَةَ لَيْسَتْ قَضِيَّةً مَصْلَحِيَّةً، تُنَاطُ بِاخْتِيَارِ الْعَامَّةِ،  
وَيَنْتَسِبُ الْإِمَامُ بِنَصْبِهِمْ، بَلْ هِيَ قَضِيَّةٌ أُصُولِيَّةٌ، وَهِيَ زَكْنٌ  
مِنْ أَزْكَانِ الدِّينِ، لَا يَجُوزُ لِلرَّسُولِ إِعْقَابُهَا وَإِهْمَالُهَا، وَلَا  
تَفْوِضُهَا إِلَى الْعَامَّةِ وَإِرْسَالُهَا، وَيَجْمَعُهُمْ -أَيِ الشَّيْعَةَ- الْقَوْلُ  
بُوجُوبِ التَّعْيِينِ وَالتَّنْصِيصِ، وَثُبُوتِ عِصْمَةِ الْأَئِمَّةِ وَجُوبًا  
عَنِ الْكِبَائِرِ وَالصَّغَائِرِ

Terjemahan: Bahawa imamah bukanlah suatu perkara yang bersifat kemaslahatan umum (masalah fikah) yang diserahkan kepada pilihan masyarakat, sehingga ‘Imam’ dilantik berdasarkan pelantikan mereka. Sebaliknya, ia merupakan suatu isu yang bersifat prinsip (usuluddin) dan merupakan salah satu rukun agama. Oleh itu, tidak harus bagi Rasulullah SAW mengabaikan atau membiarkannya tanpa penjelasan, serta tidak boleh menyerahkannya kepada pilihan umum masyarakat. Golongan Syiah secara umumnya bersepakat dalam berpegang kepada kewajipan pelantikan dan penentuan imam secara nas (teks wahyu atau penetapan khusus), serta kewajipan mempercayai kemaksuman para imam daripada dosa besar dan dosa kecil.<sup>30</sup>

<sup>30</sup> Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 195.

Perkara ini dapat dilihat sendiri dalam Kitab Imamah karangan Ibn Tumart yang menyebutkan:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ لَهُ وَاجِبٌ، وَاتِّبَاعُهُ وَالْإِقْتِدَاءُ بِأَفْعَالِهِ وَاجِبٌ،  
وَالْإِيمَانُ بِهِ وَالتَّصَدِيقُ بِهِ وَاجِبٌ عَلَى الْكَافَّةِ، وَالتَّسْلِيمُ لَهُ  
وَاجِبٌ، وَالرِّضَى بِحُكْمِهِ وَاجِبٌ، وَالْإِقْتِدَاءُ لِكُلِّ مَا قَضَى  
وَاجِبٌ، وَالرُّجُوعُ إِلَى عِلْمِهِ وَاجِبٌ، وَاتِّبَاعُ سَبِيلِهِ وَاجِبٌ

Terjemahan: Mendengar dan mentaatinya adalah suatu kewajiban. Mengikutinya serta menjadikan perbuatannya sebagai teladan juga merupakan suatu kewajiban. Beriman dan membenarkan kedudukannya adalah wajib ke atas seluruh umat. Tunduk dan menerima ketetapanannya adalah wajib, begitu juga reda terhadap keputusannya. Mematuhi segala yang diputuskan olehnya adalah suatu kewajiban. Merujuk kepada ilmunya adalah wajib dan mengikuti jalannya juga merupakan suatu kewajiban.<sup>31</sup>

Sedangkan kewajiban ini dalam mazhab Sunni adalah sesuatu yang berbentuk wajib syarak, bukan akidah. Disebabkan perkara ini, difatwakan oleh Zarruq al-Fasi (w.899h) bahawasanya taat kepada pemerintah negeri (al-Murabitun) adalah lebih wajib daripada *al-Mahdi* (Ibn Tumart) yang datang ke negeri dengan dakwaan *mahdawiyyah*. Berkata Zarruq:

وَالْحَقُّ أَنَّ الْأَمْرَ فِيهِ مُبْتَهَمٌ، وَأَنَّ الْإِسْتِعَالَ بِهِ جَمًّا لَا يَعْينِي  
لِإِسْتِثْنَائِهِ الْأَمْرَ وَاضْطِرَّابِهِ مَعَ عَدَمِ الْإِضْطِرَّارِ إِلَيْهِ، وَهَبَّ أَنَّهُ  
نَزَلَ بِنَابِ الْمَدِينَةِ الَّتِي أَنْتَ فِيهَا، أَلَيْسَ فِي عُنُقِكَ نَيْعُهُ  
أَمِيرِهَا؟ فَلَا يَجِلُّ لَكَ الْخُرُوجُ عَنْهُ وَلَا الْخُرُوجُ إِلَيْهِ لِمَا فِي رَقَبَتِكَ

<sup>31</sup> Muhammad Ibn Tumart, *A'azz Ma Yutlab*, ed. Ammar al-Talibi (Aljazair: Wizarah al-Thaqafah, 2007), 252. Lihat juga al-Najjar, *al-Mahdi ibn Tumart*, 252.

مِنْ حَقِّ أَمِيرِكَ، هَذَا إِنْ تَحَقَّقَ، فَمَا ظَنُّكَ وَالْأَمْرُ مُتَوَهَّمٌ  
الصِّحَّةِ فِي أَصْلِهِ غَيْرُ مُتَحَقِّقِ التَّأخِيرِ فِي وَقُوعِهِ؟ نَعَمْ، الْمُنِيرُ  
لِهَذَا الْأَمْرِ إِنَّمَا هُوَ حُبُّ الرِّيَاسَةِ وَبُغْضُ الْأُمَرَاءِ، وَهُوَ دَسِيسَةٌ  
حَفِيَّةٌ مِنْ حُبِّ الدُّنْيَا، أَعَادَنَا اللَّهُ مِنَ الْبَلَاءِ بِمَنِّهِ وَكَرَمِهِ

Terjemahan: Pada hakikatnya, perkara ini (dalam menyatakan siapa sebenarnya al-Mahdi itu) perkara yang tidak jelas. Adapun menyibukkan diri (mencari siapa al-Mahdi) maka ia adalah perkara yang berpanjangan, kerana ada banyak kesamarannya dan tidak pula diwajibkan ke atas kita untuk mencarinya. Katakanlah jika beliau (al-Mahdi) berada di kota kamu, tidakkah diwajibkan ke atas kamu untuk mentaati pemerintahmu?! Oleh yang demikian, tidak boleh ke atas kamu keluar daripada ketaatan pemerintahmu dan tidak pula boleh kamu keluar untuk mengikutinya (al-Mahdi) kerana tanggungjawab kamu adalah mengikutinya perintah pemimpinmu. Ini jika perkara ini benar-benar berlaku, tambah pula jika perkara tentang zahirnya (al-Mahdi) itu perkara yang samar-samar kebenarannya dan tidak kita mengetahui bilakah pengakhiran dunia ini. Punca kepada masalah ini (iaitu pendakwaan keluar berperang dan berjihad bersama al-Mahdi pada akhir zaman) adalah keinginan kepada kekuasaan dan kebencian kepada pemimpin. Perkara ini ialah satu tanda cinta kepada dunia. Begitu juga ia merupakan hakikat melakukan perkara sia-sia.<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Zarruq, Ahmad, *Uddah al-Murid al-Sadiq*, ed. al-Sadiq bin Abdurrahman al-Gharyani (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2006), 291.

### **Adakah Dakwaan *Mahdawiyyah* oleh Ibn Tumart berasaskan *al-Mahdi* yang difahami golongan Syiah?**

Jika membandingkan *mahdawiyyah* Ibn Tumart dengan *Mahdawiyyah Fatimiyyah*, didapati perbezaan yang ketara antara keduanya dari prinsip, akan tetapi sama dari sudut lafaz penggunaan bahasa. Hal ini kerana *al-Mahdi* dari segi bahasa salah satu daripada maknanya bermaksud orang yang mempersiapkan. Dalam konteks ini, Ibn Tumart telah mempersiapkan murid dan pengikut utamanya, Abdul Mukmin al-Kumi untuk mengambil alih tampuk pemerintahan dan meneruskan perjuangan gerakannya. Namun demikian, menurut catatan para sejarawan, Ibn Tumart meninggal dunia sebelum tertubuhnya kerajaan *al-Muwahhidun* secara rasmi. Hakikat ini digambarkan dengan indah dalam syair Abd al-Aziz al-Malzuzi yang menyatakan:

مَهْدَ الْمَلِكِ لِعَبْدِ الْمُؤْمِنِ وَمَنْ جَى نَمْرَ الْعَلَا لَمْ يَجْتِنِ

Terjemahan: Beliaulah yang merintis jalan kekuasaan untuk Abdul Mukmin, namun beliau sendiri tidak menikmati hasil daripada kemuliaan dan ketinggian yang telah diusahakannya.<sup>33</sup>

Selain itu, jikalau benar *mahdawiyyah* Ibn Tumart merupakan *mahdawiyyah al-Mahdi* yang sedia maklum, maka pastilah Ibn Tumart akan mempersiapkan Nabi Isa AS untuk menjadikan pengantinya dan orang kanan sepertimana yang disebutkan dalam hadis.<sup>34</sup> *Mahdawiyyah Fatimiyyah* lahir daripada prinsip *Isma'iliyyah* yang bersifat *ghuluw* (keterlaluan) yang dianggap oleh Islam sebagai kekufuran yang jelas kerana membawa kepada menjadikan para 'Imam' sebagai Tuhan.<sup>35</sup> Sebaliknya, *mahdawiyyah* Ibn Tumart lebih bersifat *mu'tadil* (sederhana) dan dekat dengan pemahaman Sunni.

<sup>33</sup> Abd al-Aziz al-Malzuzi, *Nazm al-Suluk fi al-Anbiya wa al-Khulafa wa al-Muluk* (Rabat: al-Matba'ah al-Malakiyyah, 1963), 56.

<sup>34</sup> Ahmad Arif Zulkefli, "Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma'sum" (Seminar 6<sup>th</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC) 2025, Melaka, 27-28 Mei 2025).

<sup>35</sup> Muhammad ibn 'Abd al-Karim al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal* (Beirut: Mu'assasat al-Halabi, t.t.), 1:175.

Maka, mahdawiyyah Ibn Tumart bukanlah Syiah yang radikal seperti *Mahdawiyyah Fatimiyyah* yang melampau yang sehingga memerangi sunnah Nabi SAW dan menindas pengikutnya<sup>36</sup>. Sebaliknya, Ibn Tumart adalah seorang *muslih* (reformis) dan revolusioner yang ingin mengembalikan keaslian dan kekuatan Islam melalui konsep *mahdawiyyah* dan imamah. Dalam sudut yang lain, menunjukkan bagaimana Ibn Tumart dalam mengambil sebahagian konsep *mahdawiyyah* dalam Syiah bagi membantu beliau dalam menjayakan revolusinya untuk menjatuhkan kerajaan *al-Murabitun*. Ini jelas terbukti sepertimana yang disebutkan dalam khutbah jumaat dan surat-menyurat rasmi Ibn Tumart kepada golongan *al-Muwahhidun* yang dimulai dengan basmalah, pujian kepada Allah SWT, serta selawat ke atas Nabi SAW, ahli keluarga dan seluruh sahabat.<sup>37</sup>

Perkara ini dapat dibuktikan dengan nukilan al-Murrahkushi (w.647h) dalam karyanya *al-Mu'jib* mengenai solat Jumaat golongan *al-Muwahhidun*. Umumnya, tertib khutbah Jumaat mengikuti susunan dakwah Islam yang umum. Pada akhir khutbah, khatib berselawat ke atas Rasul SAW dan berdoa untuk al-Mahdi dengan lafaz berikut:

وعلى الإمام المعصوم المَهْدِي المَعْلُومِ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ  
عَبْدِ اللَّهِ الْعَرَبِيِّ الْقُرَشِيِّ الْهَاشِمِيِّ الْحَسَنِيِّ الْقَاطِمِيِّ الْمُحَمَّدِيِّ  
الَّذِي أَيْدَهُ بِالْعَصْمَةِ، فَكَانَ أَمْرُهُ حَتْمًا وَاكْتَنَفَ بِالنُّورِ اللَّائِحِ  
وَالْعَدْلِ الْوَاضِحِ الَّذِي يَمَلَأُ الْبَسِيطَةَ حَتَّى لَا يَدْعَ فِيهَا ظَلَمًا  
وَلَا ظُلْمًا، وَعَلَى وَارِثِ شَرَفِهِ الصَّمِيمِ، قَسِيمِهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  
فِي النَّسَبِ الْكَرِيمِ

Terjemahan: Ke atas Imam yang ma'sum, *al-Mahdi* yang maklum, Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Arabi al-Qurashi al-Hashimi al-Hasani al-Fatimi al-Muhammadi yang telah dikurniakan

<sup>36</sup> Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:175.

<sup>37</sup> Abd al-Hadi Ahmad al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah fi 'Ahd al-Yaakub Mansur al-Muwahhidi* (Maghribi: Matabi' al-Shuwaykh, 1983), 1:73.

kemaksuman, maka urusannya menjadi suatu ketetapan. Dia diselubungi dengan cahaya yang terang dan keadilan yang nyata, yang memenuhi seluruh bumi sehingga tidak meninggalkan kegelapan dan kezaliman. Juga ke atas pewaris kemuliaannya yang tulen dan khalifahnyanya yang mulia dalam nasab yang terhormat.<sup>38</sup>

Disebutkan juga, setelah selesai menunaikan solat, khalifah sendiri yang berdoa. Maka, dalam khutbah keagamaan kaum *al-Muwahhidun* menurut teks para sejarawan seperti al-Murrakushi (w.647h), Ibn Sahib al-Salat (w.594h) dan Ibn al-Qattan (w.628h) terdapat perbezaan ketara yang membezakan khutbah *al-Muwahhidun* dengan khutbah Syiah, kecuali persamaan pada doa golongan *Muwahhidun* untuk *al-Mahdi* yang diketahui dan 'Imam' yang maksum iaitu Muhammad bin Tumart. Namun demikian, golongan *al-Muwahhidun* tidak pernah berdusta dalam mengagungkan Nabi SAW yang mulia, para sahabatnya, serta para tabi'in dalam doa.<sup>39</sup>

Adapun kaum Fatimiyyah berpegang kepada keyakinan akan kemaksuman 'Imam' dan membina pandangan berdasarkan takwilan *batiniyyah*. Golongan Fatimiyah juga berpegang dengan pembatalan *al-nazar* (teologi ilmu)<sup>40</sup> serta pengubahan makna lafaz daripada maksud asalnya dengan alasan simbolisme<sup>41</sup> dan isyarat yang tersembunyi yang tidak ada hubung kait dengan konteks al-Quran dan hadis dalam pentafsiran.<sup>42</sup>

---

<sup>38</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:73.

<sup>39</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:73.

<sup>40</sup> Hal ini kerana golongan *Fatimiyyah* berpaksikan taqlid dalam semua urusan agama termasuk dalam akidah. Maka, asas dalam akidah adalah berdasarkan taklid 'Imam' yang maksum, berbeza dengan mazhab Sunni daripada *Asha'ri*, asas dalam akidah adalah makrifah (pengetahuan) dan pengetahuan tidak digapai kecuali dengan *al-nazar* (rasionalisme) menerusi dalil aqli yang berasaskan dalil naqli. Disebabkan perkara ini, al-Ghazali dalam *al-Munqidh min al-Dalal* menamakan golongan Syiah ini sebagai *Ashab al-Ta'lim* (penganut doktrin ta'lim). Adapun apa yang dibawa oleh Ibn Tumart dalam akidahnya termasuklah *al-Aqidah al-Murshidah* bersesuaian dengan mazhab Sunni *Asha'ri* jauh berbeza dengan pembawaan Syiah *Fatimiyyah*.

<sup>41</sup> Ini dikenali sebagai tafsir *al-batiniyyah* yang bercanggahan dengan ajaran Islam.

<sup>42</sup> Al-Shatibi, *al-I'tisam*, 1:204.

Oleh yang demikian, *mahdawiyyah* Ibn Tumart telah bergerak ke arah yang *mu'tadil* (sederhana) dan berjaga-jaga dengan tujuan jangka panjang untuk mereformasi dunia Islam. Ibn Tumart bukanlah seorang *al-Mahdi* yang berpegang kepada mazhab Syiah tertentu. Beliau bukan seorang Ismailiyah yang mempercayai konsep *hulul* (penjelmaan) dan perpindahan imamah dari bapa kepada anak melalui pewarisan secara langsung.<sup>43</sup> Selain itu, dalam karya-karya tulisan Ibn Tumart tidak terdapat petunjuk bahawa beliau mempercayai teori *mahdawiyyah* yang ekstrem.<sup>44</sup> Antara contoh konsep *mahdawiyyah* dalam Syiah adalah:

- i. Akidah dalam Syiah berasaskan taqlid dengan Imam yang bersifat maksum. Sedangkan Ibn Tumart tidak menyatakan asas dalam akidah adalah makrifah dan *al-nazar*.
- ii. Kemaksuman 'Imam' dalam akidah Syiah adalah *al-'ismah al-dhatiyyah* yang secara khusus para nabi dan rasul ada juga pada 'Imam Maksum'. Manakala, Ibn Tumart secara umumnya mengisyaratkan kepada *'ismah al-hifz* iaitu pemeliharaan Allah SWT daripada penyimpangan.
- iii. *Mahdawiyyah* dalam Syiah adalah konsep *hulul* (penjelmaan) dan perpindahan imamah daripada bapa kepada anak melalui pewarisan secara langsung, sedangkan Abdul Mukmin al-Kumi yang merupakan khalifah Ibn Tumart bukanlah saudara senasab Ibn Tumart, bahkan bukan anak beliau.
- iv. Konsep *mahdawiyyah* dalam Syiah menjurus kepada celaan terhadap sebahagian daripada para sahabat Nabi SAW, sedangkan dalam pembawaan dakyah Ibn Tumart tidak ada unsur ini, bahkan semua para sahabat didoakan keredaan Allah SWT.
- v. Teori *mahdawiyyah* dalam Syiah tidak membawa kepada kepada perbahasan *al-Kalam* dan teologi, kerana asas kepada *mahdawiyyah* Syiah adalah taklid

---

<sup>43</sup> Ini kerana Abdul Mu'min al-Kumi bukanlah saudara senasab Ibn Tumart, bahkan bukan anak beliau. Maka konsep *mahdawiyyah* beliau berbeza dengan konsep di kalangan Syiah.

<sup>44</sup> Lihat karya Ibn Tumart seperti A'azz ma Yutlab.

- ‘Imam’, sedangkan perbahasan *al-Kalam* berkembang dengan pesat pada zaman kerajaan *al-Muwahhidun*.
- vi. *Mahdawiyyah* dalam Syiah menetapkan bahawa *al-Mahdi* itu adalah daripada zuriat Husain cucu Baginda Nabi SAW bukan daripada Hasan.<sup>45</sup> Sedangkan zuriat Husain di Maghribi tidak pernah wujud pada zaman *al-Muwahhidun* dan sebelumnya. Bahkan, Ibn Khaldun sendiri menafikan penisbahan Ibn Tumart daripada keturunan nabi SAW kerana beliau daripada Barbar dari kabilah *al-Masmudah*.<sup>46</sup>
  - vii. *Mahdawiyyah* dalam Syiah melazimi padanya rujukan dan sandaran buku-buku yang dipelajari daripada pengikutnya daripada ulama-ulama Syiah sendiri. Sedangkan dalam revolusi Ibn Tumart dan pendekatan kerajaan *al-Muwahhidun* sumbernya adalah berasaskan sumber mazhab Sunni dengan mengambil iktibar setiap perkara yang menjadi prinsip kepada kerajaan *al-Murabitun* akan ditentang seperti mazhab Maliki.<sup>47</sup>
  - viii. *Mahdawiyyah* dalam Syiah membawa kepada takwilan *batiniyyah*, sedangkan pembawaan akidah yang diterajui oleh Ibn Tumart sesuai dengan takwilan dalam konteks nas.
  - ix. *Mahdawiyyah* dalam tradisi Syiah *al-Imamiyyah al-Ithna Ashariyyah*<sup>48</sup> yang dimaksudkan dengan *al-Mahdi* tersebut adalah Muhammad ibn al-Hasan al-Askari yang merupakan ‘Imam’ yang ke-12 dalam ‘Imam’ Syiah. Beliau telah menghilangkan diri ketika umurnya 17 tahun pada tahun 275 Hijrah dan dalam keadaan ghaib dan tidak pula mati.<sup>49</sup> Sehingga pada waktu ini golongan Syiah menunggunya untuk keluar

---

<sup>45</sup> Ibn Babawayh al-Qummi, *Ilal al-Shara’i’* (Qum: Dar al-Balaghah, t.t.), 1: 205-210.

<sup>46</sup> Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 133.

<sup>47</sup> Vincent J. Cornell, “Understanding is the Mother of Ability: Responsibility and Action in the Doctrine of Ibn Tūmart,” *Studia Islamica* 66 (1987), 71-103.

<sup>48</sup> Bagi golongan Syiah *al-Saba’iyyah*, *al-Mahdi* yang dinantikan ialah Ali bin Abi Talib, manakala bagi Syiah *al-Mukhtariyyah* pula *al-Mahdi* merujuk kepada Muhammad bin al-Hanafiyyah. Perbezaan ini menunjukkan bahawa konsep *al-Mahdi* dalam tradisi Syiah awal tidak bersifat seragam, sebaliknya berkembang mengikut pegangan dan orientasi setiap kelompok. Lihat Muhammad Redha al-Muzaffar, *Aqid al-Imamiyyah* (t.tp, t.p, t.t.), 80.

<sup>49</sup> Al-Dhahabi, *Siyar A’lam al-Nubala*, 13:20.

kembali untuk mendirikan syariat Allah SWT dan menegakkan keadilan. Walhal, semua pengikut Ibn Tumart beriktikad beliau sudah mati dan tidak pula dalam keadaan ghaib.

Sebaliknya, karya-karya Ibn Tumart menegaskan penguasaannya terhadap prinsip mazhab Sunni. Oleh yang demikian, dapat dipastikan bahawa isu *'ismah* dan imamah dalam pemikiran *al-Mahdi* menunjukkan ke arah politiknya, bukan pegangan mazhabnya. Hal ini kerana beliau berpegang kepada mazhab Sunni dari segi sudut pegangan akidah dan fikah<sup>50</sup>. Jika Ibn Tumart berpegang dalam isu *'ismah* dan imamah dengan pandangan Syiah, sudah tentu pandangan beliau sama dengan pandangan Syiah yang ekstrem. Namun, sebaliknya yang berlaku antaranya ialah beliau mengakui kekhalifahan para *Khulafa' al-Rashidin*. Pengiktirafan ini tidak diterima oleh mazhab Syiah kecuali golongan *Zaidiyyah*.<sup>51</sup> Ini seperti dalam risalah Ibn Tumart kepada golongan *al-Muwahhidun* seperti:

فالإمام هو المتبوع كما يُتبع في الصلاة وأفعالها وأقوالها،  
هذا حكمه في القيء والغنيمية والأموال والحقوق، وذلك  
حكم كلِّ إمامٍ ونبيٍّ مُرسَلٍ وأبي بكرٍ والخلفاءِ بعدَ الرسولِ  
صلى الله عليه وسلم، إليه تُؤدَّى الحقوقُ، وبه تُضربُ  
الرقابُ، وإليه تُرْفَعُ الحدودُ، وإليه يُساقُ كلُّ حقٍّ، وبه يُفقدُ  
كلُّ حُكْمٍ، وإلى قوله يُرجع كلُّ قولٍ، وكان جُنَّةً للناسِ  
وكفاهم المَوَونة...

Terjemahan: Sesungguhnya 'Imam' itu ialah pemimpin yang diikuti, sebagaimana dia diikuti dalam solat begitu juga pada perbuatan dan ucapannya. Demikian juga kedudukannya dalam urusan harta *fai'*, *ghanimah* (harta

<sup>50</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:175.

<sup>51</sup> Abu al-Hijaz Yusuf bin Muhammad al-Miklatiy, *Lubab al-Uqul fi al-Radd ala al-Falasifah fi Ilm al-Usul*, ed. Fawqiyah Hasan Mahmud (Kaherah: Dar al-Ansar, 1977), 36.

rampasan perang), harta dan hak. Inilah hukum bagi setiap ‘Imam’, nabi yang diutus, serta Abu Bakar al-Siddiq dan para khalifah selepas Nabi Muhammad. Kepada ‘Imam’ diserahkan hak, dengannya dilaksanakan hukuman (seperti hukuman bunuh), kepadanya dirujuk pelaksanaan hudud dan kepadanya dibawa setiap hak. Melaluinya terlaksana setiap hukum, dan kepada kata-katanya dirujuk setiap pendapat. Dia menjadi pelindung bagi manusia serta meringankan beban mereka.<sup>52</sup>

Menurut al-Hasaysan, *al-Mahdi* yang didakwa oleh Ibn Tumart berasal daripada daripada mazhab Syiah bertujuan untuk membantunya dalam mengukuhkan kekuasaannya dalam pembinaan negara baharunya, namun beliau meninggalkan pandangan Syiah yang ekstrem. Dengan bergantung kepada prinsip *ismah* dan imamah dalam Syiah, beliau berbeza dengan seluruh mazhab Sunni kerana prinsip ini tertolak dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Namun, pendekatan yang diambil oleh golongan *al-Muwahhidun* dilihat lebih dekat kepada Sunni berbanding Syiah. Oleh itu, konsep *mahdawiyyah* Ibn Tumart tidaklah mencapai tahap keterlaluhan seperti *mahdawiyyah Fatimiyyah* di Mesir dan tempat lainnya.<sup>53</sup>

Menurut Ibn Khaldun, para khatib jumaat di Maghribi pada zaman Ibn Tumart dan setelahnya terus menyebut Ibn Tumart sebagai “imam yang maksum dan al-Mahdi yang maklum” dari atas mimbar-mimbar khutbah merupakan satu-satunya bidaah yang diriwayatkan daripada Ibn Tumart yang diada-adakan oleh beliau.<sup>54</sup> Doktrin *mahdawiyyah* sepertimana yang dimaksudkan terus berkembang dengan kejayaan yang berterusan selepas kewafatan Ibnu Tumart sehingga melahirkan sebuah kekuasaan besar yang membanggakan Maghribi dan memberikannya kedudukan besar pada waktu tersebut yang terhormat pada

---

<sup>52</sup> Muhammad Ibn Tumart, *A'azz ma Yuulab*, ed. Ammar Talibi (Algeria: Wizarah al-Thaqafah, 2007), 232.

<sup>53</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:175.

<sup>54</sup> Abdul Rahman bin Khaldun, *al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Tarikh al-Arab wa al-Barbar waman Asarahum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar*, ed. Khalil Shihadah (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 6:300.

kerajaan *al-Muwahhidun* dan digeruni oleh musuh Islam, khususnya kerajaan Kristian di Sepanyol.<sup>55</sup>

Diriwayatkan sebuah doa yang didoakan oleh Ibn Tumart menunjukkan kesunnian beliau yang tidak terlihat padanya sebarang unsur-unsur Syiah atau mana-mana golongan sesat yang lain yang dinukilkan oleh sejarawan zaman *al-Muwahhidun* dan Ibn al-Qattan:

اللَّهُمَّ أَعِنَّا عَلَى طَاعَتِكَ، وَأَتِمِّمْ عَلَيْنَا نِعْمَتَكَ، وَزِدْنَا مِنْ  
فَضْلِكَ وَإِحْسَانِكَ، وَثَبِّتْنَا عَلَى دِينِكَ حَتَّى نَلْقَاكَ وَأَنْتَ رَاضٍ  
عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ وَفَّقْنَا لِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَى  
حَيْثُ كُنَّا، وَأَعِنَّا عَلَى الْقِيَامِ بِحَقِّكَ، وَاحْفَظْ أَمَانَتَكَ وَرِعَايَةَ  
عَهْدِكَ بِفَضْلِكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ تَعْلَمُ ذُنُوبَنَا كُلَّهَا  
فَاغْفِرْهَا، وَتَعْلَمُ عِيُوبَنَا كُلَّهَا فَاسْتُرْهَا، وَتَعْلَمُ حَوَائِجَنَا كُلَّهَا  
فَأَقْضِهَا وَتَعْلَمُ أَعْدَاءَنَا فَارْتُدِّمْهَا، وَكُفَى بِرَبِّكَ وَلِيًّا وَكُفَى  
بِرَبِّكَ نَصِيرًا. اللَّهُمَّ إِنَّ نَوَاصِيَنَا بِيَدِكَ لَمْ تُمَلِّكْنَا مِنْهَا شَيْئًا،  
فَكَمَا فَعَلْتَ ذَلِكَ بِنَا، فَكُنْ أَنْتَ وَوَلِيِّنَا وَمَوْلَانَا، وَاهْدِنَا سَوَاءَ  
السَّبِيلِ، إِنَّكَ نِعَمَ الْمَوْلَى وَنِعَمَ النَّصِيرِ

Terjemahan: Ya Allah, bantulah kami untuk taat kepada-Mu, sempurnakan nikmat-Mu ke atas kami, tambahkanlah kurniaan dan ihsan-Mu kepada kami, serta tetapkanlah kami di atas agama-Mu sehingga kami bertemu dengan-Mu dalam keadaan Engkau reda kepada kami, dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihi. Ya Allah, berilah kami taufik untuk melakukan apa yang Engkau cintai dan redai, di mana sahaja kami berada. Bantulah kami untuk menunaikan hak-Mu, menjaga amanah-Mu, dan menepati janji-Mu dengan limpahan

<sup>55</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:176.

kurnia-Mu, wahai Tuhan sekalian alam. Ya Allah, Engkau mengetahui segala dosa kami, maka ampunilah ia. Engkau mengetahui segala aib kami, maka tutupilah ia. Engkau mengetahui segala hajat kami, maka perkenankanlah ia. Engkau mengetahui segala musuh kami, maka lindungilah kami daripada mereka. Cukuplah Engkau sebagai pelindung dan penolong kami. Ya Allah, sesungguhnya ubun-ubun kami berada dalam genggaman-Mu; Engkau tidak memberikan kami kuasa penuh ke atasnya. Maka sebagaimana Engkau telah mentadbir urusan kami, jadilah Engkau pelindung dan pemimpin kami, serta bimbinglah kami ke jalan yang lurus. Sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik penolong.<sup>56</sup>

### **Doktrin *al-Mahdi* oleh Ibn Tumart sebagai Satu Cara Menjatuhkan Kerajaan *al-Murabitun***

Secara umumnya, dakwaan *al-Mahdi* yang dibawa oleh Ibn Tumart dilihat sebagai suatu strategi ideologi untuk meruntuhkan kekuasaan sedia ada, khususnya kerajaan *al-Murabitun*. Pendekatan ini dilaksanakan melalui usaha menghakis asas pemikiran rasmi kerajaan tersebut, sama ada dari sudut fikah mahupun akidah.

Dalam konteks ini, pemilihan akidah *Ash'ariyyah* sebagai landasan teologi, serta kecenderungan kepada mazhab *Zahiri* dalam fikah, mencerminkan suatu kerangka reformasi yang bertujuan menandingi dominasi mazhab Maliki yang menjadi pegangan *al-Murabitun*. Sementara itu, dakwaan Ignác Goldziher yang mengaitkan ajaran Ibn Tumart dengan akidah Syiah yang disaluti kerangka *Ash'ariyyah* adalah tidak berasas<sup>57</sup>. Hal ini kerana tidak terdapat bukti jelas dalam pemikiran Ibn Tumart yang menegaskan konsep imamah atau *al-Mahdi* daripada *Ahl al-Bayt*

---

<sup>56</sup> Abu 'Ali al-Hasan Ibn al-Qattan, *Nazm al-Juman*, ed. Mahmud Ali Makki (Titwan-Maghribi, t.t), 129.

<sup>57</sup> Saad Muhammad Hasan, *al-Mahdi al-Islam Mundhu Aqdam al-'Usur Hatta al-Yawm: Dirasah Wafiyah li Tarikhiha al-Aqadi wa al-Siyasi wa al-Adabi* (Mesir: Dar al-Kitab al-Gharbi, 1953), 195.

sebagaimana yang difahami dalam tradisi Syiah, seperti tokoh Muhammad bin Hasan al-Askari<sup>58</sup> atau Muhammad bin al-Hanafiyyah.

Sebaliknya, penekanan utama Ibn Tumart tertumpu kepada konsep tauhid yang murni tanpa unsur *tashbih*, berpegang teguh kepada al-Quran dan *al-Sunnah*, serta penolakan terhadap taqlid yang berlebihan dalam mazhab Maliki, sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam beberapa nasihat beliau seperti:

والذى نُوصيكم به تقوى الله العظيم والعمل بطاعته،  
والاستعانة به والتوكُّل عليه، واتباع الكتاب والسنة، وتعليم  
التوحيد فإنه أصل دينكم، وبه تصلح أعمالكم، والمحافظة  
على الصلوات في أوقاتها فإنها عماد الإسلام، وتواصوا بالحق  
وتواصوا بالصبر، وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على  
الإثم والعدوان...

Terjemahannya: Dan perkara yang kami wasiatkan kepada kamu ialah bertakwa kepada Allah Yang Maha Agung, melaksanakan ketaatan kepada-Nya, serta memohon pertolongan dan bertawakal kepada-Nya. Hendaklah kamu berpegang kepada al-Quran dan *al-Sunnah*, serta mempelajari tauhid kerana ia merupakan asas agama kamu dan dengannya amalan kamu akan menjadi baik. Peliharalah solat pada waktunya kerana ia adalah tiang agama. Hendaklah kamu saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, serta saling membantu dalam perkara kebajikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu saling membantu dalam dosa dan permusuhan. Juga, hendaklah kamu menyuruh kepada

---

<sup>58</sup> Muhammad bin Ahmad Al-Dhahabi, *Siyar A'lam al-Nubala*, ed. Shuaib al-Arn'ut (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1985), 13:120.

kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran.<sup>59</sup>

### **Penentangan Sebahagian Ulama Maghribi terhadap Agenda Golongan *al-Muwahhidun***

Tidak ada seseorang pun mengikut pendapat mazhab Sunni yang memiliki sifat maksum selain daripada para nabi dan rasul. Golongan Sunni juga menolak dakwaan bahawa para ‘Imam’ mengetahui perkara ghaib, isi hati manusia, serta apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Secara umumnya, Ibn Tumart mendasarkan ideologinya dalam meluaskan pengaruhnya dan menjatuhkan kerajaan *al-Murabitun* kepada dua perkara:

- i. Kemaksuman ‘Imam’ di mana beliau menganggap dirinya sebagai maksum.
- ii. Pengetahuannya tentang perkara ghaib.

Berikutan kemunculan dakwah Ibn Tumart ini, sebahagian fuqaha’ mazhab Maliki di Maghribi dan Andalus bertindak menentangnya, mengutuk ajarannya, serta mencela beliau kerana mendakwa dirinya menerima sejenis wahyu dan ilham dan menolak kitab-kitab furu’ dalam mazhab Maliki yang berdasarkan taqlid. Imam al-Shatibi (w.790h) berkata:

إِنَّ الْمَهْدِيَّ قَدَّ الْفَاطِمِيِّينَ فِي ادِّعَائِهِمُ الْعِصْمَةَ لِإِمَامِهِمْ،  
وَتَصَوُّرُ مَذْهَبِهِمْ كَافٍ فِي ظُهُورِ بَطْلَانِهِ، إِلَّا أَنَّهُ مَعَ ظُهُورِ  
فَسَادِهِ وَبُعْدِهِ عَنِ الشَّرْعِ قَدْ اعْتَمَدَتْهُ طَوَائِفُ

Terjemahan: Sesungguhnya *al-Mahdi* (Ibn Tumart) telah meniru *Fatimiyyah* dalam dakwaan mereka mengenai kemaksuman ‘Imam’ mereka, dan sekadar memahami mazhab mereka sudah cukup untuk menunjukkan kebatilannya. Walaupun jelas kerosakannya dan jauhnya daripada syariat,

---

<sup>59</sup> Muhammad Abdullah Inan, *Tarajim Islamiyah Sharqiyah wa Andalusiyah* (Mesir: Maktabat al-Khanji al-Qahirah, 1970), 217.

namun mazhab ini tetap diikuti oleh beberapa golongan.<sup>60</sup>

Demikianlah melihat ketegasan sebahagian ulama terhadap isu *mahdawiyyah* dan kemaksuman, di mana ada antara golongan tersebut yang terus berjuang hingga hembusan nafas terakhir. Hal ini jelas terlihat dalam pemberontakan yang diumumkan terhadap golongan *al-Muwahhidun* di kota Ceuta, yang dipimpin oleh al-Qadi Iyyad<sup>61</sup> (w.544h) sehingga beliau sendiri menjadi korban dalam perjuangannya menentang *al-Muwahhidun*<sup>62</sup>. Akan tetapi penolakan al-Qadi Iyyad bukanlah disebabkan isu akidah yang dibawa oleh pengganti Ibn Tumart ketika itu iaitu Abdul Mu'min al-Kumi (w.558h) seperti yang disangkakan oleh sebahagian daripada pengkaji, sedangkan al-Qadi Iyyad sendiri bermazhab Ash'ari. Bahkan, isu utama yang telah disebutkan oleh sejarawan adalah isu fikah di mana tidak boleh membai'ah pemerintah yang baharu sedangkan pemerintah yang lama sah di sisi syariah iaitu kerajaan *al-Murabitun*.<sup>63</sup> Berkata al-Nasiri:

Maka al-Qadi Iyyad berpendapat bahawa golongan *al-Muwahhidun* tidak mempunyai hak dalam perkara ini kerana mereka hanyalah pihak yang menguasai secara kekerasan. Selagi pemerintah yang sah masih ada, tidak boleh berpaling dan membai'ah orang lain.<sup>64</sup>

---

<sup>60</sup> Al-Shatibi, *al-I'tisam*, 1:205

<sup>61</sup> Al-Qadi Iyyad bin Musa al-Yahsubi merupakan seorang syeikh, imam, serta tokoh kehakiman yang dikenali sebagai 'kadi kepada para kadi' (kadi agung). Ketokohan dan kemasyhurannya tidak memerlukan pengenalan lanjut dalam tradisi keilmuan Islam. Beliau berguru dengan kira-kira seratus orang syeikh, sama ada melalui pembelajaran secara langsung mahupun melalui pemberian ijazah. Senarai para gurunya telah dihimpunkan dalam sebuah karya yang dinamakan *al-Ghunyah*. Antara karya beliau yang paling terkenal ialah *al-Shifa' bi Ta'rif Huquq al-Mustafa* yang diiktiraf sebagai sebuah penulisan yang sangat bernilai dan berpengaruh, serta tersebar luas di seluruh dunia Islam. Beliau dilahirkan pada bulan Syaaban tahun 476 Hijrah dan wafat di Marrakesh pada bulan Jamadil Akhir tahun 544 Hijrah, bersamaan tahun 1149 Masihi. Lihat: Makhluaf, *Shajarat al-Nur al-Zakiyah fi Tabaqat al-Malikiyah*, ed. Abdul Majid Khayali (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2003), 205.

<sup>62</sup> Al-Qadi 'Iyyad, *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik Lima 'rifat A'lam Madhhab Malik* (Rabat: Wizarah al-Awqaf, 1983), 1:29.

<sup>63</sup> Abu al-Abbas Ahmad bin Khalid Al-Nasiri, *al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa* (Casablanca: Dar al-Kitab, 1954), 2:103.

<sup>64</sup> Al-Nasiri, *al-Istiqa*, 2:103.

Ketegasan ini juga nampak jelas dalam peribadi Abdul Haq al-Ishbili (w.581h) yang menolak sepenuhnya untuk berurusan dengan golongan *al-Muwahhidun*. Sebaliknya, beliau memilih untuk berhubungan dengan musuh iaitu *Bani Ghaniyyah* antara pemerintah terakhir bawah naungan kerajaan *al-Murabitun*. Beliau juga memenuhi seruan dengan menerima tugas untuk menyampaikan khutbah dan menjadi qadi di kota Bejaia-Algeria, tetapi enggan memenuhi kehendak kerajaan *al-Muwahhidun*.<sup>65</sup>

### **Sejauh Mana Doktrin *Mahdawiyyah* Berkembang dalam Kerajaan *al-Muwahhidun* Sselepas Kewafatan Ibn Tumart**

Sesungguhnya dakwaan kemaksuman Ibn Tumart bukan sahaja menjadi sasaran kritikan dan kecaman daripada para ulama, bahkan sebahagian khalifah-khalifah kerajaan *al-Muwahhidun* sendiri kemudian menolaknya.

Pada peringkat awal, kerajaan *al-Muwahhidun* didirikan berdasarkan konsep imamah dan tauhid di mana pemimpinya ialah Ibn Tumart yang menyelimuti dirinya dengan gelaran *al-Mahdi* dan kepimpinan spiritual. Namun, setelah kematiannya, kekhalifahan *al-Muwahhidun* beralih ke tangan Abdul Mu'min al-Kumi (w.558h) dan keturunannya menunjukkan ideologi semakin memudar sedikit demi sedikit.

### **Doktrin *Mahdawiyyah* pada Zaman Khalifah Yaakub al-Mansur al-Muwahhidi (w.595h)**

Ideologi imamah *al-mahdawiyyah* (kepimpinan yang maksum) mula memudar sedikit demi sedikit, walaupun kerajaan *al-Muwahhidun* masih berpegang teguh dalam mengagungkan Ibn Tumart selepas kewafatannya. Kerajaan tersebut sentiasa menyebutnya dalam khutbah rasmi dengan gelaran “Imam yang maksum dan *al-Mahdi* yang diketahui”, menulis namanya pada mata wang, mengamalkan ajarannya, serta menyebutkan gelaran tersebut dalam majlis-majlis rasmi dan pada waktu solat.<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:169. Lihat juga al-Murakushi, *al-Mu'jib* (Beirut: Dar al-Kutub, 1978), 391.

<sup>66</sup> Abdullah Inan, *Asr al-Murabiin fi al-Maghrib wa al-Andalus* (Kaherah: Maktabah al-Kahnji, 1964), 1:630-631.

Hal itu terus berlangsung dan mula pudar pada zaman Khalifah Yaakub al-Mansur (w.595h) yang tidak sependapat dengan pandangan golongan *al-Muwahhidun* mengenai kemaksuman Ibn Tumart. Yaakub al-Mansur termasuk orang yang tidak meyakini kepemimpinan maksum Ibn Tumart dan menganggap bodoh orang-orang yang mempercayainya. Perkara ini sendiri telah disebutkan oleh al-Murrahkushi dalam al-Mu'jib:

فقد قال مرة لأحمد مطرف: (يا أبا العباس اشهد لي بين  
يدي الله عز وجل أنا لا أقول بالعصمة)، وقال له يوما وقد  
استأذنه في فعل شيء يفتقر إلى وجود الإمام: (يا أبا العباس  
أين الإمام؟! أين الإمام؟!)، وسأل يعقوب مرة أحد طلاب  
العلم يدعى هاني الجباني: (ما قرأت من العلم؟) قلت:  
(تواليف المهدي)، فنظر إليه نظرة الغضب، وقال: (ما  
هكذا يقول طالب العلم، إنما حكمتك أن تقول قرأت كتاب  
الله، وقرأت شيئاً من السنة، ثم بعد هذا قل ما شئت)

Terjemahan: Pernah pada suatu masa beliau (Yaakub al-Mansur) berkata kepada Ahmad Mutarrif: “Wahai Abu al-Abbas, bersaksilah untukku di hadapan Allah SWT bahawa aku tidak meyakini kemaksuman (Ibn Tumart)”. Pada kesempatan lain, ketika mana Ahmad Mutarrif meminta izin daripada Yaakub untuk melakukan sesuatu yang memerlukan keberadaan seorang imam, Yaakub berkata kepadanya: “Wahai Abu al-Abbas, di manakah Imam itu?! Di manakah Imam itu?!”. Suatu hari, Yaakub bertanya kepada seorang penuntut ilmu bernama Hani’ al-Jiyyani: “Apakah ilmu yang telah engkau pelajari?”, Dia menjawab: “Aku telah membaca karangan-karangan al-Mahdi (Ibnu Tumart)”. Setelah mendengar jawaban itu, Yaakub memandangnya dengan tatapan marah dan

berkata: “Bukan begitu seharusnya seorang pencari ilmu berbicara. Sebenarnya, engkau harus mengatakan, Aku telah mempelajari al-Quran dan al-Sunnah. Setelah itu, katakanlah apa yang engkau mahu”.<sup>67</sup>

Dapat difahami dari teks-teks yang dinukilkan daripada al-Mu’jib yang disebutkan bahawa Yaakub al-Mansur mengharapkan jawapan dari murid tersebut dengan menyebut bahawa dia telah membaca al-Quran dan Sunnah Nabi terlebih dahulu, kemudian barulah menyebut kitab *al-Mahdi* (Ibn Tumart). Bukan sebaliknya, iaitu dengan langsung menyebut nama *al-Mahdi*. Hal ini menunjukkan kepada keteguhan Yaakub al-Mansur dalam mengutamakan al-Quran dan Sunnah Nabi daripada sekalian ulama, termasuklah yang dimaksudkan dengan ulama tersebut *al-Mahdi* Ibn Tumart sendiri.

Meskipun sikap Yaakub al-Mansur terhadap konsep kemaksuman dan imamah sedemikian, kekhalifahan *al-Muwahhidun* tetap berada bawah naungan ideologi *mahdawiyyah*. Dalam surat-surat rasminya, khalifah masih menyebutkan ungkapan: “keredaan atas imam yang ma’sum dan *al-Mahdi* yang telah diketahui”.<sup>68</sup> Namun, bagi Yaakub al-Mansur keyakinan *mahdawiyyah* hanyalah sesuatu perkara yang bersifat formal dan simbolik semata-mata. Ia digunakan sebagai alat untuk menyatukan kalangan *al-Muwahhidun* bawah satu slogan untuk menguatkan syiar-syiar negara, serta melindunginya dari bahaya perpecahan dan fitnah.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> Al-Murrakushi, *al-Mu’jib*, 417.

<sup>68</sup> Évariste Lévi-Provençal, *Nashr Majma’ah Rasa’il Muwahhidiyah*, 23.

<sup>69</sup> Abdullah Inan, *Asr al-Murabiitin fi al-Maghrib wa al-Andalus* (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1990), 1:630-631.

## Pembubaran Doktrin *Mahdawiyyah* pada Zaman Khalifah al-Ma'mun al-Muwahhidi (w.630h)

Penolakan ini tidak lama kemudian berlaku secara rasminya pada zaman khalifah Idris al-Ma'mun<sup>70</sup> anak kepada Yaakub al-Mansur dengan menzahirkan celaan terhadap *al-Mahdi* Ibn Tumart serta penolakan terhadap mazhabnya. Beliauah yang memerintahkan agar nama *al-Mahdi* dihapuskan daripada mata wang, khutbah dan hal-hal lain. Tindakannya ini pada hakikatnya adalah pelaksanaan terhadap apa yang diinginkan oleh ayahnya Yaakub al-Mansur, namun tidak mengisytiharkannya secara terang-terangan atau melaksanakannya. Barangkali Yaakub al-Mansur sedar bahawa dengan melaksanakan perkara ini atau menggugurkannya dan meruntuhkan asas negara. Maka, beliau terpaksa menahan diri daripada melaksanakannya dengan berat hati.

Namun, Idris al-Ma'mun akhirnya berjaya menamatkan ideologi dan doktrin *al-Mahdi* sepenuhnya. Bawah pemerintahannya, peristiwa bersejarah ini berlaku dalam perlembagaan kekhalifahan *al-Muwahhidun* dan pada lambang kerohanian. Idris al-Ma'mun sendiri menulis satu risalah dengan tangannya dan menyusunnya sendiri mengisytiharkan pengakhiran ideologi *al-Mahdi*. Kemudian, beliau mengirimbkannya ke bandar-bandar utama di Maghribi untuk dibacakan di atas mimbar-mimbar. Berikut adalah teksnya:

فَالَّذِي أُوصِيَكُمْ بِهِ تَقْوَى اللَّهِ الْعَظِيمِ وَالِاسْتِعَانَةَ بِهِ وَالتَّوَكُّلَ  
عَلَيْهِ، لِتَعْلَمُوا أَنَّا نَبْذُنَا الْبَاطِلَ، وَأَظْهَرْنَا الْحَقَّ، وَلَا مَهْدِيَّ  
إِلَّا عَيْسَى بْنِ مَرْيَمَ، وَمَا سُمِّيَ مَهْدِيًّا إِلَّا أَنَّهُ تَكَلَّمَ فِي الْمَهْدِيِّ،

<sup>70</sup> Al-Ma'mun ialah Abu al-'Ala Idris bin khalifah Yaakub al-Mansur. Beliau dilahirkan di Malaga pada tahun 581h/1185m. Ibunya ialah seorang wanita merdeka bernama Safiyyah binti Muhammad bin Saad Mardafish. al-Ma'mun menaiki takhta selepas kemangkatan abangnya, Abu Muhammad Abdullah al-Adil pada tahun 624h. Beliau menyerupai ayahnya, Yaakub al-Mansur dalam sifat keilmuannya. al-Ma'mun merupakan seorang faqih (ahli fikah) dan mahir dalam hadis serta menguasai pelbagai ilmu agama. Beliau memberikan perhatian khusus kepada pengajaran kitab Sahih al-Bukhari, al-Muwatta', dan Sunan Abi Dawud. Selain itu, beliau juga menguasai bahasa, memiliki pengetahuan luas dalam kesusasteraan dan sejarah, serta merupakan seorang penulis yang prolific dan berbakat dengan kemampuan sastera yang kukuh dan kemahiran dalam bersyair. Beliau wafat pada tahun 630h/1232m. Lihat: Abu al-Abbas Ahmad al-Murrakushi, *al-Bayan al-Mughrib*, 67. Lihat juga Inan, Abdullah, *Asr al-Murabitin fi al-Maghrib wa al-Andalus*, 2:370-371.

فتلك بدعة قد أزلناها، وقد أسقطنا اسمه، ولم تثبت له عصمة، فلذلك أزلنا عنه رسمه، فيُمحى ويسقط ولا يثبت. وقد كان سيدنا المنصور همّ أن يصدع بما الآن صدعنا، وأن يرفع عن الأمة الخزن الذي رفعنا، فلم يساعده لذلك أمه ولا أجله لزواله إلا أجله، فقدم على ربه بنية صدق، خالص الطوية. وإذا كانت العصمة لم تثبت للصحابة، فما الظن بمن لم يدر بأي يد يأخذ كتابه، أفأ لهم، قد ضلوا وأضلوا، ولذلك لولا ودلوا، ما تكون لهم الحجة على تلك الحاجة. اللهم أشهد أننا تبرأنا منهم براءة أهل الجنة من أهل النار، ونعوذ بك من أمرهم الرتيب، وفعلهم الخبيث؛ لأنهم في المعتقد من أهل النار، وإنا نقول فيهم ما قال نبينا عليه أفضل السلام، رَبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا

Terjemahan: Apa yang aku wasiatkan kepada kalian ialah bertakwa kepada Allah yang Maha Agung, memohon pertolongan-Nya dan bertawakal kepada-Nya. Ketahuilah bahawa kami telah menolak kebatilan dan menegakkan kebenaran. Tiada *al-Mahdi* selain Isa bin Maryam. *Al-Mahdi* hanya dinamakan demikian kerana berbicara ketikamana dalam keadaan bayi. Perkara tersebut (dakwaan *al-Mahdi* bagi Ibnu Tumart) itu adalah suatu bid'ah yang telah kami hapuskan. Maka, kami telah menggugurkan namanya dan kemaksuman tidak pernah ditetapkan baginya. Oleh itu, kami telah menghapus segala perkara tersebut agar ia terpadam, terhapus dan tidak lagi diakui. Sesungguhnya, ayah kami al-Mansur (ayah al-Ma'mun) berniat untuk mengumumkan perkara ini sebagaimana sekarang kami umumkan, dan berniat untuk

menghilangkan kesedihan umat sebagaimana yang telah kami lakukan. Namun, umur dan ajalnya tidak mengizinkan beliau melaksanakannya. Maka, beliau kembali kepada Tuhannya dengan niat yang jujur serta hati yang bersih. Jika kemaksuman tidak pernah ditetapkan bagi para sahabat, maka apatah lagi bagi seseorang yang tidak tahu dengan tangan mana akan menerima kitabnya.<sup>71</sup> Celakalah mereka! Mereka telah sesat dan menyesatkan orang lain, maka mereka pun berakhir dalam kehinaan dan kerendahan. Mereka sama sekali tidak memiliki hujah terhadap perkara ini. Ya Allah, saksiilah bahawa kami telah berlepas diri daripada mereka, sebagaimana ahli syurga berlepas diri daripada ahli neraka. Kami berlindung kepada-Mu daripada perbuatan mereka yang berterusan dan amalan mereka yang keji, kerana dalam kepercayaan, mereka adalah daripada kalangan ahli neraka. Kami berkata mengenai mereka sebagaimana Nabi kita yang terbaik telah bersabda: “Ya Tuhanku, janganlah Engkau biarkan seorang pun dari kalangan orang kafir tinggal di bumi ini”.<sup>72</sup>

Demikianlah, dengan satu tindakan berani daripada khalifah al-Ma'mun telah menghapuskan doktrin Ibn Tumart mengenai kemaksuman dan mahdawiyah. Ternyata tindakan al-Ma'mun dalam menghapuskan segala jejak *al-Mahdi* serta ajarannya tidak

---

<sup>71</sup> Kitab di sini dimaksudkan dengan kitab amalan sepertimana firman Allah SWT:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيَقُولُ هَذَا مَا أَدْرَأُ كِتَابِيَهُ

Terjemahan: Maka sesiapa yang diberikan menerima kitab amalnya dengan tangan kanannya, maka ia akan berkata (dengan sukacitanya kepada sesiapa yang ada di sisinya): Nah! Bacalah kamu kitab amalku ini!” (al-Haqqah 69:19)

<sup>72</sup> Abdullah Inan, *Asr al-Murabitin fi al-Maghrib wa al-Andalus*, 2:384.

menimbulkan sebarang tentangan atau kritikan. Sebaliknya, para penyair malah memuji dan mengagungkan langkah tersebut.<sup>73</sup>

### **Kesimpulan**

Kajian ini merumuskan bahawa konsep *mahdawiyyah* yang dikaitkan dengan Ibn Tumart tidak boleh difahami secara simplistik sebagai peniruan langsung terhadap doktrin *mahdawiyyah* dalam tradisi Syiah, khususnya aliran Ismailiyah yang bersifat ekstrem. Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan bahawa *mahdawiyyah* Ibn Tumart terbentuk dalam kerangka yang lebih sederhana serta dipengaruhi oleh keperluan sosio-politik dan agenda reformasi yang bertujuan mengembalikan kekuatan dan kesatuan umat Islam pada zaman kejatuhan kerajaan *al-Murabitun* dan kebangkitan kerajaan *al-Muwahhidun*.

Analisis tekstual terhadap sumber-sumber primer dan sekunder memperlihatkan bahawa meskipun terdapat penggunaan istilah seperti *al-Mahdi al-Ma'sum*, namun kandungan pemikiran Ibn Tumart tidak menunjukkan kecenderungan kepada doktrin teologi Syiah yang ekstrem seperti konsep *hulul*, pewarisan imamah secara mutlak, atau penolakan terhadap ideologi mazhab Sunni. Sebaliknya, beliau masih mengekalkan elemen Sunni dalam aspek akidah dan amalan, termasuk pengiktirafan terhadap para *Khulafa' al-Rashidin* serta penegasan terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama.

Walau bagaimanapun, artikel ini juga mengakui bahawa dakwaan kemaksuman dan *mahdawiyyah* tersebut telah mencetuskan polemik dalam kalangan ulama Sunni, khususnya fuqaha' Maliki di Maghribi dan Andalus yang menolaknya atas dasar percanggahan dengan prinsip akidah Islam. Penentangan ini bukan sahaja bersifat teologis, bahkan turut dipengaruhi oleh faktor fikah dan legitimasi politik terhadap pemerintahan sedia ada. Selain itu, boleh dianggap juga sesiapa yang melaksanakan tugas yang dikaitkan dengan *al-Mahdi al-Muntazar* boleh disebut sebagai 'Mahdi' berkonsep *majazi* (kiasan) dalam bahasa dan berdasarkan keluasan penggunaan bahasa. Jika dakwaan bahawa ibn Tumart mengaku sebagai 'al-Mahdi' dan memiliki sifat

---

<sup>73</sup> Al-Hasaysan, *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah*, 1:172. Lihat juga Ibn Idhari, Abu al-Abbas Ahmad al-Marrakushi, *al-Bayan al-Mughrib fi Akhbar al-Andalus wa al-Maghrib* (Maghribi: Tab'ah Ma'had Mawlay al-Hasan, 1960), 266.

'maksud' telah menyebabkan timbul keraguan terhadap pegangan akidah *Asy'arinya*, maka penolakan tuduhan tersebut sewajarnya turut menghapuskan keraguan terhadap pegangan akidah.

Dari sudut perkembangan sejarah, dapatan kajian menunjukkan bahawa doktrin *mahdawiyyah* Ibn Tumart mengalami transformasi signifikan selepas kewafatannya. Pada peringkat awal, ia berfungsi sebagai asas legitimasi ideologi bagi kerajaan *al-Muwahhidun*, namun secara beransur-ansur mengalami proses pelunturan, khususnya pada era Yaakub al-Mansur yang mula mempertikaikan konsep kemaksuman tersebut. Kemuncaknya, pada zaman khalifah Idris al-Ma'mun, doktrin ini telah ditolak secara rasmi dan dihapuskan daripada wacana politik serta simbol-simbol kenegaraan.

Secara keseluruhannya, artikel ini menyimpulkan bahawa dakwaan *mahdawiyyah* Ibn Tumart lebih tepat ditafsirkan sebagai instrumen ideologi dan strategi transformasi politik berteraskan agama dan ideologi, berbanding sebagai manifestasi kepercayaan teologi yang tulen terhadap konsep *al-Mahdi* dalam kerangka Syiah. Sumbangan utama kajian ini adalah dalam menjelaskan kedudukan sebenar *mahdawiyyah* Ibn Tumart melalui pendekatan analisis historiografi dan tekstual, sekali gus menawarkan pemahaman yang lebih seimbang antara dimensi teologi, politik, dan sejarah dalam menilai fenomena tersebut.

## Rujukan

- Abdullah Inan, Muhammad. *Tarajim Islamiyyah Sharqiyyah wa Andalusiyah*. Mesir: Maktabah al-Khanji al-Qahirah, 1970.
- Abu Ja'far Al-A'war, Muhammad ibn Yaakub al-Kulayni. *Al-Kafi*. Tehran: t.p., 1865.
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir Ibn Tahir. *Al-Farq Bayna al-Firaq wa Bayan al-Firqah al-Najiyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, 1977.
- Al-Dhahabi, Muhammad ibn Ahmad. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Edited by Shu'ayb al-Arn'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1985.
- Al-Ghazali. *Sirr al-'Alamayn wa Kashf Ma fi al-Darayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988.

- Al-Hamid, Saad Zaghlul Abd. *Muhammad ibn Tumart Harakat al-Tajdid fi al-Andalus wa al-Maghrib*. Beirut: Jami'ah Bayrut al-'Arabiyah, 1973.
- Al-Hasaysan, 'Abd al-Hadi Ahmad. *Mazahir al-Nahdah al-Hadithah fi 'Ahdi Ya'qub Mansur al-Muwahhidi*. Titwan: Matabi' al-Shuwaykh, 1983.
- Al-Malzuzi, Abd Al-Aziz. *Nazm al-Suluk fi al-Anbiya' wa al-Khulafa wa al-Muluk*. Rabat: al-Matba'ah al-Malakiyyah, 1963.
- Al-Miklatiy, Abu al-Hijaz Yusuf ibn Muhammad. *Lubab al-Uqul fi al-Radd ala al-Falasifah fi ilm al-Usul*. Edited by Fawqiyah Hasan Mahmud. Kaherah: t.p., 1977.
- Al-Murrakushi, Abd al-Wahid. *Al-Mu'jib fi Talkhis Akhbar al-Maghrib*. Sale: Matba'ah al-Thaqafah, 1938.
- Al-Muzaffar, Muhammad Redha. *Aqaid al-Imamiyyah*. t.tp.: t.p., t.t.
- Al-Najjar, Abd al-Majid. *Al-Mahdi ibn Tumart Hayatuhu wa Ara'uhu wa Thawratuhu al-Fikriyah wa al-Ijtimaiyyah wa Atharuhu fi al-Maghrib*. t.tp: Dar al-Gharb al-Islami, 1983.
- Al-Nasiri, Abu al-Abbas Ahmad ibn Khalid. *Al-Istiqsa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa*. Casablanca: Dar al-Kitab, 1954.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. *Bustan al-Arifin*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah, 2006.
- Al-Shahrastani, Muhammad ibn Abd al-Karim. *Al-Milal wa al-Nihal*. t.tp.: Mu'assasah al-Halabi, t.t.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim al-Lakhmi. *Al-I'tisam*. Edited by Shawqi Dayf. Egypt: al-Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra, t.t.
- Cornell, Vincent J. "Understanding is the Mother of Ability: Responsibility and Action in the Doctrine of Ibn Tumart." *Studia Islamica* 66 (1987): 71-103.

- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad al-Shaybani. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Edited by Abd al-Wahhab al-Najjar. Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah, 1920.
- Ibn al-Qattan, Abu Ali al-Hasan. *Nazm al-Juman*. Edited by Mahmud Ali Makki. Titwan: t.p., t.t.
- Ibn al-Qunfudh, Abu al-Abbas Ahmad ibn Hasan. *Uns al-Faqir wa Izzu al-Haqir*. Edited by Muhammad al-Fasi. Morocco: al-Markaz al-Jami'i li al-Bahth al-Ilmi, 1965.
- Ibn 'Idhari al-Murrakushi, Abu al-Abbas Ahmad. *Al-Bayan al-Mughrib fi Akhbar al-Andalus wa al-Maghrib*. Titwan: Tab'ah Ma'had Mawlay al-Hasan, 1960.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. *Al-Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Tarikh al-'Arab wa al-Barbar waman 'Asarahum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar*. Edited by Khalil Shihadah. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.
- Ibn Tumart, Muhammad. *A'azz ma Yutlab*. Edited by Ammar Talibi. Algeria: Wizarah al-Thaqafah, 2007.
- Inan, Abdullah. *Asr al-Murabitin fi al-Maghrib wa al-Andalus*. Kaherah: t.p., 1964.
- Iyad, Al-Qadi. *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik Lima 'rifat A'lam Madhhab Malik*. Maghribi: Wizarah al-Awqaf, 1983.
- Lévi-Provençal, Évariste. *Nashr Majmua Rasail Muwahhidiyah min Insha' Kitab al-Dawlah al-Muwahhidiyah*. Rabat: t.p., 1941.
- Makhluf. *Shajarat al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiyyah*. Edited by Abd al-Majid Khayali. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003.
- Muhammad Hasan, Saad. *Al-Mahdi al-Islam Mundhu Aqdam al-Usur Hatta al-Yawm: Dirasah Wafiyah li Tarikhiha al-Aqadi wa al-Siyasi wa al-Adabi*. Mesir: Dar al-Kitab al-Gharbi, 1953.
- Norris, Harry T. "Ibn Tumart and the Almoravids: 'The Evil Deeds of the Mujassimun from Kakudam', Selected Passages

- from Ibn Tumart's *A'azz Ma Yutlab.*" *Journal of Qur'anic Studies* 13.2 (2011): 155-164.
- Uthman al-Hujwiri, Ali. *Kashf al-Mahjub li Arbab al-Qulub*. Edited by Is'ad 'Abd al-Hadi Qandil. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1980.
- Yusuf al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf al-Sanusi. *Sharh al-Aqidah al-Kubra*. Edited by Anas al-Sharfawi. Dimashq: Dar al-Taqwa, 2019.
- Zahri, Khalid. *Min Ilm al-Kalam ila Fiqh al-Kalam*. Kuwait: Dar al-Diya', 2018.
- Zarruq, Ahmad. *'Uddah al-Murid al-Sadiq*. Edited by Al-Sadiq bin Abdurrahman al-Gharyani. Beirut: Dar Ibnu Hazm, 2006.
- Zulkefli, Ahmad Arif. "Analisis Kritis Dakwaan Pengakuan Ibn Tumart Sebagai al-Mahdi al-Ma'sum." Seminar 6<sup>th</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC) 2025, Melaka, 27-28 Mei 2025.